



*Grande oreilles.* hommes ayans si grandes oreilles que tiennent leurs bras comme dedes. Le peuple est Capbre/cest a dire ne Gentil ne Chrestien ne Moie. Ils vont nus/sont vne coisse de scorte d'arbie devant leur nature. Les principaux ont vesse de soye lasouree a lesquille en la teste. Ils sont ouuaress et as paix/et se oyndent de huiles pour le soleil et le bét. Ils ont cheveux iusques a la ceinture, dagues couteaux/lances fourries dor. Ils ont retz pour pescer et barq's come les nofres. Lesquelz le xv<sup>e</sup>, de Mars prudrent leur voyage entre le ponēt de Sardin dedes quatre isles, cest ascauoir Lenalo/Huinaghah/Hibusson et Abarien.

*L*e xv<sup>e</sup>. de Mars veirent vng feu en vne ille/et veirent vne petite barque et huyt hommes dedens/laquelle appiocha pres de la naue du capitaine et vng esclau de Samatra/laquelle sappelle Tapiobane/estant en la naue du capitaine, parla/lesquelz soubdainement l'entendirent/et p'restement vindirent au port de la naue/et ne boulu'rent entrer. Le capitaine



## PANGLIMA AWANG

# Kaji batu nesan

Syazwan Msar  
am@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**K**ajian membabitkan sampel tanah dan batu nesan pada sebuah pusara di Kampung Lengkuk Dalam, Rembau, Negeri Sembilan dipercayai tempat bersemadinya Panglima Awang perlu dilakukan secara terperinci serta menyeluruh.

Ketua Sekolah Pengajian Warisan dan Peradaban Universiti Islam Malaysia Prof Tan Sri Dr Ab Latiff Abu Bakar berkata, kajian amat perlu dibuat bagi pengesahan pusara berkenaan mempunyai kaitan dengan Panglima Awang atau tidak.

Menurutnya, pihak berkaitan juga perlu menubuhkan panel dianggotai pakar arkeologi, batu nesan dan sejarah ketamadunan negara bagi membincangkan mengenai tokoh berkenaan.

"Kami tidak boleh nafi Panglima Awang itu wujud, namun kena ada bukti saintifik yang lebih terperinci supaya tidak dipertikaikan oleh pihak tertentu."

"Apa yang dilakukan kumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) sebenarnya membuka satu lembaran baru kepada pengkaji lain melakukan kajian secara serius me-



DR Rohaidah menunjukkan peta yang dilukis dalam buku catatan Antonio Pigafetta versi Itali.

ngenai pelayar Melayu pertama berkenaan," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Harian Metro menerusi laporan bersiri sejak kelmarin merungkai misteri sejarah Panglima Awang atau lebih dikenali sebagai *Enrique de Malacca* yang tergantung sejak ratusan tahun dulu.

Ia susulan kejayaan sekumpulan penyelidik UPM menemui kubur berkeninan menjadi tempat bersemadi pelayar Melayu pertama itu selepas mengharungi pelayaran mengeli-

ling dunia pada kurun ke-15.

Kajian dilakukan kumpulan penyelidik UPM mendapati kubur Sakai Laut Dalam yang juga tokoh di Kampung Padang Lekuk, Kota Rembau, Negeri Sembilan kemungkinan milik Panglima

Awang berdasarkan beberapa catatan serta kajian mengenai pelayar Melayu pertama itu.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM Dr Rohaidah Kamaruddin, perkara

### FAKTA

Tidak tertumpu kepada kajian penulisan buku semata-mata

berkenaan disokong oleh catatan yang diambil daripada penulisan Antonio Pigafetta, Magellan's Voyage (1524) versi Itali.

Ab Latiff berkata, kajian berkenaan juga akan menentukan kesahihan dakwaan bahawa kubur Sakai Laut Dalam adalah milik Panglima Awang berdasarkan usia tanah dan ujian asid desiribonukleik termasuk sampel tulang.

"Kita seharusnya tidak tertumpu kepada kajian penulisan buku semata-mata kerana penyelidikan membabitkan bukti saintifik dapat mengukuhkan lagi dakwaan berkaitan penemuan kubur berkenaan," katanya.

## PANGLIMA AWANG

# Orang 'penting'

B

LAPORAN Harian Metro, semalam.

